

Kerajaan tidak terikat terima pandangan Suhakam

BH 20 APR 2001

KUALA LUMPUR, Khamis
- Kerajaan tidak terikat
untuk menerima semua
pendapat yang dikemuka-
kan oleh Suruhanjaya Hak
Asasi Manusia Malaysia
(Suhakam), kata Datuk Seri
Dr Mahathir Mohamad.

Malah, Perdana Menteri
berkata, pandangan yang
dikemukakan Suhakam ti-
dak semestinya mencermi-
nkan pendapat kerajaan.

"Itu pandangan mereka,
tidak semestinya pendapat
kerajaan. Kita tidak terikat
untuk menerima semua
keputusan mereka.

"Seperti saya katakan
sebelum ini, tanggungja-
wab terhadap perpaduan
negara bukan di tangan
Suhakam tetapi di tangan
kita (kerajaan), polis kita.
Kita juga mesti mendengar
pandangan mereka," kata-
nya.

Beliau berkata demikian
kepada pemberita selepas
berucap di majlis Dialog
Kepimpinan Muda dan In-
telek Afrika anjuran ber-
sama Persatuan Pelajar
Afrika di Malaysia (Assim)
dan Akademi Pemuda Per-
gerakan Pemuda Umno, di
sini hari ini.

Perdana Menteri berkata
demikian ketika diminta
mengulas laporan tahunan
pertama Suhakam yang
diumumkan hari ini.

Pengerusi Suhakam, Tan
Sri Musa Hitam menyerah-
kan laporan tahunan bagi
2000 kepada Speaker De-
wan Rakyat, Tun Mohamed
Zahir Ismail di bangunan
Parlimen hari ini.

Mengenai laporan 13
kakitangan Konsulat Ma-
laysia di Pontianak, Kali-
mantan Barat diarah pu-
lang atas sebab keselama-
tan, Dr Mahathir berkata,
beliau belum menerima
maklumat mengenainya.

Bagaimanapun, katanya,
jika ada ancaman kakita-
ngan Malaysia harus pu-
lang.

Beliau bagaimanapun,
yakin pihak berkuasa In-
donesia akan menjaga ke-
selamatan mereka.

"Saya fikir dia (kerajaan
Indonesia) akan jaga jika
keadaan terlalu bahaya,"
katanya.

Dr Mahathir juga berka-
ta, kerajaan tidak akan
mengkaji semula Wawasan
2020 yang diperkenalkan
pada 1991 untuk menjadi-
kan negara ini sebuah nega-
ra perindustrian menje-
lang 2020.

Bagaimanapun, katanya,
ciri negara maju pada 2020
sudah tentu berbeza de-
ngan negara maju ketika
wawasan itu dilancarkan
kerana negara maju pada
masa depan bergantung
kepada keupayaannya
menggunakan teknologi
maklumat untuk kemaju-
an mereka.

Mengenai ura-ura Dai-
hatsu Motor Co Ltd, Jepun
hendak menguasai saham
lebih besar dalam syarikat
Perusahaan Otomobil
Kedua Sdn Bhd (Perodua),
Dr Mahathir mengesahkan
rundingan untuk itu me-
mang ada.

Bagaimanapun, katanya,
perkara itu masih belum
diputuskan kerana kera-
jaan tidak akan membenarkan
Daihatsu menguasai
saham Perodua melainkan
jika ia membabitkan pem-
buatan kenderaan untuk
tujuan pasaran eksport.

Baru-baru ini, Daihatsu
dikatakan akan meminda-
hkan operasinya ke
Thailand jika gagal meng-
uasai saham dalam
Perodua. Daihatsu ketika
ini memegang 25 peratus
kepentingan dalam syarikat
itu.

Perdana Menteri berka-
ta, kerajaan mahu syarikat
tempatan mengekalkan
kepentingannya bagi pem-
buatan Perodua untuk tu-
juan pasaran tempatan.

"Jika Daihatsu mahu
syer atau majoriti lebih
dalam pengeluaran Pero-
dua untuk pasaran Asean
atau eksport lain, kita tiada
masalah," katanya.